


# AKTIVITI TERKINI CHEMICAL ENGINEERING STUDENTS SOCIETY (CHESS) SESI 2020/2021

*Prepared by Mohamed Syaxwan Osman*

Dalam satu keadaan yang tidak dapat dijangka iaitu pandemic COVID-19 ini, telah memberikan kesan kepada aktivisme dan pembangunan pelajar. Norma baharu turut meliputi dalam pembangunan pelajar. Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia (ChESS) turut berubah dengan menggunakan pendekatan maya untuk msih menyumbang untuk membantu mengembangkan bakat dan potensi pelajar. Sebelum PKP, ChESS telah Berjaya menganjurkan Majlis Temu Rapat Warga FKK (TeRA) yang sarat dengan pengisian. Dimulakan dengan Mesyuarat agung tahunan (AGM) yang julung kali nya menobatkan Presiden wanita pertama ChESS iaitu Saudari Siti Nurhaya dengan transisi kepemimpinan yang lebih segar dan dinamik.



Seterusnya program diteruskan dengan perkongsian OBE (Dr Husna) dan taklimat keselamatan makmal oleh Pn Faraziehan. Program TeRA 2.0 ini diteruskan dengan perkongsian pelajar yang menyertai pertandingan dan program di luar negara seperti Taiwan (Hanis) , Bangkok (Hazira) dan Indonesia (Idris) baru-baru ini.



Kemuncaknya, semua warga FKK dapat mendengar amanat terkini dari KPP dn disusuli dengan perjumpaan bersama Penasihat akademik (PA) Semasa perintah kawalan pergerakan (PKP), ChESS telah menganjurkan inisiatif Sembang Rembang yang terbuka kepada semua pelajar FKK. Kita telah sempat menganjurkan 2 siri sembang rembang secara maya menggunakan aplikasi Google MEET.



Sambutan yang diterima amat menggalakkan. Untuk siri 1 pada 11 Mei 2020 kita telah menjemput pengasas BeKInd Malaysia, En Muhammad Kamarulazizi untuk berkongsi tentang cabaran dan realiti COVID-19 terhadap siswa dan bakal graduan. Untuk siri 2 pula pada 12 Mei 2020 kita telah bawakan En Hanafi Basri, Pengurus di Syarikat Petronas carigali di Bintulu Sarawak untuk berkongsi tentang kerjaya jurutera di industri minyak dan gas. Pada hemat penulis, banyak respon dan komen dua hala dapat diperhatikan dalam dua siri ini. Satu perkongsian yang sangat baik kepada pelajar. Insya Allah siri Seterus nya akan dianjurkan dalam masa terdekat.